



Jawatan Dimohon : **Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi) [TNC P&I]**

Nama :

No. Kad Pengenalan :

A. KRITERIA UMUM

Bil.	Kriteria	Ringkasan Pencapaian/Sumbangan (Berdasarkan Glosari Kriteria)
1.	Kecemerlangan Akademik Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat <i>command of respect</i> dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.	
2.	Pengiktirafan Antarabangsa Penyandang mestilah diiktiraf oleh <i>peers</i> antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.	

3.	Kebolehan Memimpin dan Mengurus Penyandang mestilah mempunyai <i>people skills</i> yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan <i>interpersonal</i> yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.	
4.	Reputasi Menjadi “ <i>role model</i> ” kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan <i>proven track record</i> serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.	
5.	Personaliti Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, <i>team player</i> , serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.	

B. KRITERIA KHUSUS

Bil.	Kriteria	Ringkasan Pencapaian/Sumbangan (Berdasarkan Glosari Kriteria)
1.	Pengalaman Membida Projek Penyelidikan Dengan Jaya Ini merupakan tugas hakiki TNC (P&I). Calon bukan sahaja berpengalaman menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik Utama (PI) tetapi menjadi peneraju IPT masing-masing untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara.	
2.	Mahir Mensintesis Instrumen Komitmen Penyelidikan (<i>RU Instrument</i>) KPI TNC (P&I) utama adalah meneraju penyelidikan di IPT masing-masing. Calon bukan sahaja mahir mengenai instrumen tersebut tetapi telah menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat Institut, <i>Centre of Excellence</i> (COE) atau Fakulti.	
3.	Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas Mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan Industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini kerana selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta, penyandang juga bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan di luar negara.	

4.	Berkemampuan Dalam Menguruskannya Aktiviti Berkaitan Harta Intelekt Penyandang mestilah seorang individu yang mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta intelek dan latihan yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industri yang berkesan akan memberi pulangan kepada Universiti melalui perlesenan dan pengkomersialan.	
5.	Cemerlang Dalam Penyelidikan, Penerbitan Dan Urusan Pengkomersialan Penyandang mestilah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengkomersialan produk penyelidikan, mempunyai track record dalam penyelidikan serta penghasilan artikel berkualiti dalam jurnal berwasit agar penyandang mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok sebaya/setaraf.	
6.	Berpengalaman Sebagai Penyelia Yang Berjaya Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana penyandang bertanggungjawab menentukan hala tuju penyelidikan universiti dan menerapkan research culture dalam kalangan ahli akademik dan para penyelidik.	